

Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains

Nek Mah Batri^a, Farahwahida Mohd Yusof^{b,c}, Siti Norlina Muhamad^b, Ahmad Muhyuddin Hassan^a, Mohd. Nasir Ripin^a, Zulkiflee Haron^a

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bPusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^cIbnu Sina Institute For Scientific & Industrial Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: farahwamy@utm.my

Abstract

Homosexuality is a phenomenon that has long existed in human history. It has become the target of the study to find the contributing factors to the tenets of the Islamic perspective. The desire of homosexuals to change the physical conditions of a male to female or vice versa is a good convention for sexual purposes or desire to become a mother or father status. The pace and progress of science and technology has helped homosexuals meet their needs, even if the outcome of these treatments may bring much harm to themselves or those around them. High costs of sex change surgeries caused many homosexuals stuck to the nature of adultery and leave a negative impact on health. The purpose of this paper is to understand the factors that cause homosexuality: Between law and science. The method used is a qualitative approach and a library. The findings of the study show that the factors that cause the occurrence of homosexuality not only depend on environmental factors such as parents, peers, social and biological factors, but diet and drugs. There is a lack of research on the different schools of thought concerning the change of gender studies, hence it has become prevalent in the Muslim community. If this is not handled as soon as possible, it not only gives an image that is not healthy within our communities but also undermines the development of Islamic civilization.

Keywords Homosexual, religious law, science:

Abstrak

Homoseksual merupakan fenomena yang sudah lama wujud dalam sejarah kehidupan manusia. Ia menjadi sasaran kajian sama ada dari sudut faktor penyebabnya hingga kepada hukum hakam dalam perspektif Islam. Keinginan golongan homoseksual untuk mengubah keadaan fizikal dari seorang lelaki kepada perempuan atau sebaliknya merupakan satu kelaziman baik untuk tujuan seksual atau keinginan menjadi status ibu atau ayah. Kepesatan dan kemajuan sains dan teknologi membantu golongan homoseksual memenuhi hajat mereka walaupun natijah daripada perlakuan ini akan membawa banyak kemudaratan kepada diri sendiri atau masyarakat di sekeliling mereka. Kos perbelanjaan yang tinggi ketika proses pertukaran jantina menyebabkan ramai golongan homoseksual yang terjebak ke alam perzinaan dan meninggalkan kesan yang negatif pada kesehatan. Tujuan penulisan ini adalah untuk memahami faktor-faktor penyebab homoseksual: Antara hukum dan kajian sains. Metode yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dan perpustakaan. Dapatan dari hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor penyebab berlakunya homoseksual bukan sahaja bergantung kepada faktor-faktor persekitaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, sosial dan biologi tetapi faktor pemakanan dan pengambilan ubatan-ubatan. Permasalahan khilafiyah mengenai pertukaran jantina kurang dibuat kajian sehingga ia berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam. Sekiranya perkara ini tidak dapat di tangani dengan segera ia bukan sahaja memberi imej yang tidak sihat pada masyarakat sekeliling tetapi juga melemahkan perkembangan tamadun Islam.

Kata kunci: Homoseksual, agama, sains

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Aktiviti homoseksual merupakan satu fenomena yang membabitkan emosi seksual terhadap sesama kelamin baik lelaki ataupun perempuan sebagaimana yang dijelaskan oleh Feldman (1990). Bagaimanapun melihat pada pandangan Kendall dan Hammer (1998) homoseksual bukan saja melibatkan perlakuan seksual tetapi berkaitan dengan keinginan dan kecenderungan seseorang individu secara psikologi, emosional dan sosial terhadap seseorang yang sama jenis. Ia timbul akibat adanya persepsi dan perbandingan terhadap ciptaan Allah SWT, sedangkan manusia yang dicipta oleh Allah SWT adalah sebaik-baik makhluk sebagaimana firmanNya dalam surah al-Tin ayat 4 yang bermaksud: “*Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*” Namun begitu, bagi golongan homoseksual secara fitrahnya ramai yang leka dan alpa dengan kesempurnaan tersebut. Malahan golongan ini berani melanggar hukum syarak dengan menukar bentuk asal ciptaan Allah SWT. Melalui sains dan teknologi, golongan homoseksual ini berupaya mengubah keadaan fizikal mereka dari lelaki ke perempuan atau sebaliknya tanpa memikirkan kesan-kesan yang akan berlaku terhadap diri mereka, keluarga, masyarakat, agama dan kesihatan diri. Justeru, objektif penulisan ini adalah untuk memahami faktor-faktor penyebab homoseksual: antara hukum dan kemajuan sains dengan menggunakan metode kualitatif dan perpustakaan.

■2.0 PENGERTIAN HOMOSEKSUAL

Homoseksual disebut juga sebagai gay iaitu lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya. Begitu juga seseorang yang terdetik dan mempunyai perasaan kagum, tertarik dan terangsang terhadap seseorang sesama jenis (Sharifah Munirah: 2008). Ini disokong oleh Barley (1996) dan Carroll (2005). Namun ia berlaku bukan sahaja kepada kaum lelaki tetapi juga pada kaum perempuan sebagaimana penjelasan Nietzel (1998).

Sebaliknya, menurut Sigmund Freud (1922), setiap orang mempunyai “*bakat*” homoseksual. Beliau mengatakan bahawa perkembangan seksual akan berlaku apabila terdapat proses interaksi sosial yang akan menentukan apakah “*bakat*” itu muncul atau tertahan kerana ia berhubungkait dengan permasalahan jiwa yang melibatkan faktor eksternal atau tekanan dari masyarakat. Sekiranya mereka yang terlibat tidak berani menonjolkan penampilan di hadapan masyarakat, ia akan dihantui konflik identiti diri seumur hidup. Bagaimanapun, mereka yang berani akan tetap menghadapi risiko diperkecilkan oleh masyarakat. Maka itu dapat dilihat bahawasanya homoseksual itu adalah lebih berbahaya dari penyakit jiwa kerana yang menimbulkan masalah ini adalah dari perlakuan masyarakat itu sendiri.

■3.0 SEJARAH AWAL HOMOSEKSUAL

Penggunaan pertama kata homoseksual seperti yang tercatat dalam sejarah adalah oleh Karl-Maria Kertbeny pada tahun 1869 dan kemudian diluaskan penggunaannya oleh Richard Freiherr von Krafft-Ebing dalam bukunya yang bertajuk *Psychopathia Sexualis* (1902). Manakala Sayyid Sabiq (1968) mendefinisikan, homoseks sebagai hubungan biologis antara sesama jenis kelamin, baik lelaki mahupun wanita tetapi istilah homoseks ini kemudian lebih kerap digunakan untuk seks sesama lelaki sedangkan yang sesama wanita dinamakan lesbian.

Sejarah mencatatkan bahawa penentangan terhadap aktiviti homoseksual bermula sejak dari zaman Nabi Lut a.s. Perbuatan ini telah dikategorikan sebagai menyimpang dari fitrah manusia kerana cenderung kepada hubungan biologis secara *heterosex*, iaitu hubungan seks antara lelaki dan wanita yang dilaknati Allah SWT seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-A'raf ayat 80-84 yang bermaksud:

“Dan Lut tatkala ia berkata kepada kaumnya: Mengapa kamu mengerjakan perbuatan kotor itu, yang belum dikerjakan oleh seseorang pun di dunia ini sebelumnya? Sesungguhnya kamu mendatangi laki-laki untuk melepaskan nafsumu kepada mereka bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah suatu kaum melampaui batas. Jawapan kaumnya tidak lain hanyalah mengatakan, “Usirlah mereka (Lut beserta pengikut-pengikutnya) dari desamu ini; sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berpura-pura mensucikan diri.” Kemudian kami selamatkan dia dan pengikut-pengikutnya kecuali isterinya, dia adalah termasuk orang-orang yang tertinggal (binasakan). Dan Kami turunkan kepada mereka hujan batu; maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa itu.”

Sesungguhnya tujuan Nabi Lut a.s. diutus oleh Allah SWT untuk memperbaiki akidah serta akhlak kaumnya yang tinggal di Sadun, Amurah, Adma', Sabubin, dan Bala' di tepi Laut Mati (Abduh dan Rashid Rida, *Tafsir al-Manar*, 1990). Walau bagaimanapun, usaha baginda nyata mendapat tentangan hebat dari kaumnya. Ini kerana sebilangan besar dari kaumnya ketika itu telah mengalami kerosakan moral yang serius. Amalan seks bebas dan hubungan sejenis sudah menjadi fenomena yang tidak terkawal. Kaum lelaki didapati lebih bernafsu dan cenderung untuk melakukan hubungan seks sesama lelaki yang lebih muda berbanding dengan kaum wanita. Sehingga kini, budaya seks songsang ini dilihat masih belum dapat ditangani secara berkesan. Malahan, isu homoseksual sentiasa menjadi antara topik yang hangat diperdebatkan sepanjang sejarah peradaban manusia (Brown, 2005; Parker, Roff, Kelmmack, Koenig, Baker & Allman, 2003) sehingga menimbulkan pelbagai pandangan pro dan kontra daripada masyarakat.

■4.0 PEMBAHAGIAN HOMOSEKSUAL

Homoseksual yang seringkali diperdebatkan di persada global boleh dibahagikan kepada dua keadaan:

i) *Homoseksual Sejak Lahir (HSL)*

Golongan ini sejak dari kecil telah memiliki keperibadian tertutup kerana menerima tekanan dari masyarakat sehingga menjadi seorang yang pendiam, pemalu dan tidak banyak berbicara. Namun terperangkap di dalam jiwa mereka untuk menunjukkan siapa diri mereka sebenar sehingga meningkat dewasa. Ini menyebabkan individu jenis ini menyimpan perasaan balas dendam dan melakukan aktiviti seksual tanpa menggunakan akal sehingga membawa kepada suatu gejala lain seperti pembunuhan berantai untuk melepaskan kemarahan yang telah dipendam bertahun-tahun di dalam dirinya. Sebagai contoh, kes pembunuhan berantai yang dilakukan oleh Ryan atau Very Idham Afriansyah di Indonesia. Hasil dari ujian psikologikal yang dilakukan oleh barisan pakar perubatan kepolisan, Ryan didapati sedang menderita sejenis penyakit kelainan kejiwaan, dalam bahasa ilmu psikologi disebut ‘psikopat’, iaitu penyakit tekanan jiwa yang sangat rumit sehingga tidak dapat membezakan antara perbuatan yang baik atau buruk. Hal tersebut boleh terjadi kerana timbulnya sifat ingin memiliki sesuatu yang berlebihan terhadap kekasih sejenisnya. Justeru, penyakit ini dikenalpasti sebagai faktor utama kepada kes pembunuhan berantai yang dilakukan oleh Ryan atau Very Idham Afriansyah tersebut. (Harian Surat Khabar, Seputar Indonesia-Edisi Julai, 2008).

ii) *Homoseksual Ketika Dewasa (HSD)*

Apabila berlaku sesuatu fenomena pahit pada seseorang individu maka akan timbul keinginan dalam jiwanya untuk menjadi seorang wanita. Perasaan ini adalah akibat dari ketidakserasian antarakelemin biologis dengan identiti gender akibat gem/hormon atau pengaruh persekitaran. J.P. Chaplin dalam *Dictionary of Psychology* (1981), menyatakan bahawa terdapat kriteria khusus pada penderita seperti

merasa ketidakserasiandengan kelamin biologis dirinya sehingga merasa terganggu secara berlanjutan selama lebih dua tahun dan tidak hanya pada ketika stres. Mereka merasa memiliki kelainan genetik atau *congenital sex hormone disorders*, tidak memiliki kelainan mental (*schizophrenia*), berkeinginan membuang alat kelamin yang dimiliki dan hidup dengan jenis kelamin yang berlawanan. Maka itu, dengan kejayaan sains dan teknologi golongan ini tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi telah memilih untuk menukar jantina mereka. Perbuatan tersebut bukan sahaja bertentangan dengan agama dan sains bahkan juga dari aspek budaya, tamadun dan masyarakat.

■5.0 APLIKASI PENUKARAN JANTINA HOMOSEKSUAL

Pelbagai aplikasi atau *gender reassignment* untuk memulakan penukaran jantina. Golongan homoseksual yang ingin menukar jantina perlu menjalankan beberapa proses secara berperingkat bagi memastikan ia tidak akan menghadapi kerumitan atau konflik ketika melakukan pembedahan sebagaimana yang ditulis oleh Harish D dan B.R.Sharma "*Medical Advances in Transsexualism and the Legal Implication*" (2003). Peringkat tersebut adalah seperti berikut:

a) Wawancara Transeksualisme

Aplikasi ini dikenali sebagai mekanisme perubahan gender yang harus ditempuhi oleh kaum transeksual (homoseksual) sebelum memenuhi hasrat dan ketidakserasiannya atas gender yang dimiliki. Di tahap pertama, sekumpulan para pakar akan mewawancara individu yang ingin merubah gender mereka. Di tahap kedua pula merupakan pemeriksaan fizikal oleh para doktor pakar. Dalam tahap ini, pemeriksaan kelainan genetik dan hormon merupakan hal yang harus dilakukan. Sekiranya hasil yang diperolehi positif kemudian dilanjutkan dengan evaluasi psikologis untuk melihat beberapa hal penting seperti ketiadaan kelainan mental, motivasi individu terlibat untuk bertukar gender, dan kesediaan pada diri individu terlibat untuk menerima segala risiko akibat pengubahan gender. Sekiranya hasil evaluasi pada ketiga tahap tadi adalah positif, dan terbukti adanya fenomena transeksualisme maka *gender-reassignment* boleh dilakukan.

b) Gender-reassignment

Aplikasi ini dilakukan dalam 2 tahap. Pertama melakukan *cross-gender hormone treatment* iaitu dengan pemberian hormon dari jenis kelamin yang berlawanan selama 2 tahun untuk menyesuaikan fisiologis pada individu tersebut. Setelah semuanya terbukti positif barulah individu terlibat boleh melakukan proses pembedahan (*sex-reassignment surgery*).

c) Sex-reassignment surgery (SRS)

Aplikasi tahap ini merupakan suatu proses pembedahan menukar organ kelamin antara dua jenis kelamin. Tujuan pembedahan ini adalah sama ada untuk perbaikan organ kelamin yang tidak sempurna atau menukar kelamin *transseksual*.

Dengan aplikasi teknologi biologis kedokteran yang digunakan untuk proses pembedahan ini maka fenomena penderitaan *transeksualisme* oleh golongan homoseksual dianggap mudah untuk diselesaikan.

■6.0 IMPLIKASI MENUKAR JANTINA DARI PERSPEKTIF DOKTOR

Secara konsep dan teknik, *sex-reassignment surgery* (SRS) bersifat *irreversibel*, sehingga individu terlibat yang menjalani pembedahan harus memiliki keyakinan yang kuat untuk menerima segala konsekuensi dan natijah dari pembedahan ini. Selain itu, pembedahan mengubah alat kelamin ini melibatkan kos yang tinggi baik dari segi kewangan atau kemungkinan kegagalan dan kematian. Menurut para doktor pakar kelamin dari MtF Surgery Centre Co.Ltd (2005), beberapa kerumitan boleh terjadi iaitu:

- ✚ Pendarahan/hematoma
- ✚ Infeksi
- ✚ Masalah penyembuhan luka *Recto-vaginal fistula* (lubang berkembang antara kolom dan vagina)
- ✚ *Urethra-vaginal fistula*
- ✚ *Pulmonary thromboembolis*
- ✚ *Necrosis* parsial/menyeluruh pada flap
- ✚ Pertumbuhan rambut *intravaginal*
- ✚ Ketakutan *hipertrofik*
- ✚ Vagina pendek

Walaupun setelah SRS dilakukan, untuk individu terlibat benar-benar dapat merasakan dirinya telah bertukar gender memerlukan jangka masa bertahun-tahun dan kebiasaannya memakan masa hingga 5 tahun. Oleh kerana proses pemulihan setelah pembedahan begitu lama bagi golongan homoseksual yang berpenyakit HIV/Hepatatis C, maka ia telah menimbulkan kekhuatiran pada para doktor pakar untuk membuat pembedahan bagi mereka yang mengidap penyakit tersebut. Permintaan yang mempunyai kes seperti ini di tolak kerana akan menghadapi risiko yang lebih tinggi (Fugate S.R.C.C., Apodaca dan M.L. Hibbert, 2001).

■7.0 KEDUDUKAN HOMOSEKSUAL DARI PERSPEKTIF HUKUM DAN SAINS

Allah SWT menggalakkan manusia untuk meneroka dan mengkaji apa yang terjadi di langit dan di bumi namun hasil penemuan mestilah berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana maksud firman Allah SWT “*Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.*” (Surah Lukman 31: 20). Jika dianalisis dan diteliti pendekatan al-Quran terhadap sains dan teknologi adalah dinamik dan statistik (M. Hussein Sardar, 1991). Bahkan Allah SWT telah menggalakkan penggunaan akal dengan secara maksimum, bersifat objektif dan menuntut kecemerlangan. Namun pada masa yang sama ia menetapkan usaha-usaha ini dalam batasan dan kerangka etika serta nilai Islam (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1989).

Sekiranya golongan homoseksual terutamanya individu Islam menjadikan sejarah zaman Nabi Lut a.s. sebagai iktibar maka dengan kekuatan sains dan teknologi seharusnya mereka memberikan sokongan padu untuk mencari apakah punca dan faktor yang mendorong mereka terlibat dalam aktiviti ini dengan mengizinkan diri mereka dijadikan bahan kajian agar dapat membantu para saintis menemukan jawapan kepada permasalahan homoseksual. Sebaliknya, terdapat beberapa negara yang memberi sokongan dan meluluskan penukaran jantina sejak tahun 1930an lagi. Di Denmark misalnya, Lili Elbe merupakan individu pertama yang menjalankan pembedahan menukar jantina dari lelaki kepada wanita (Magnus Hirschfield, 2016).

Pada tahun 1952, isu ini mendapat perhatian apabila media cetak di Amerika Syarikat mendedahkan tentang kejayaan Christine Jorgensen, seorang rakyat Amerika Syarikat melakukan pembedahan pertukaran jantina. (Sumber R&D - Jabatan Islam Selangor, 2016). Kemudian pada lewat tahun 50an Dr. Geroges Burou, seorang pakar bedah plastik dari Perancis, bukan sahaja berjaya membuat pembedahan menukar jantina bahkan berjaya mencipta satu kaedah moden bagi pembedahan penukaran jantina. Kejayaan ini semakin mendapat perhatian dan menarik minat golongan transeksual untuk mendapatkan perkhidmatan seperti itu. Perhatian dan minat kepada kejayaan tersebut terus merebak ke negara di seluruh dunia, termasuk juga negara-negara Asia Tenggara (Hage, J Joris, Karim Refaat B, Laub, Donald R Sr, 2007).

Malahan terdapat beberapa negara telah meluluskan pelaksanaan undang-undang pernikahan sejenis. Pelaksanaan ini berlaku secara berturutan antara satu negara dengan yang lain untuk memenuhi tuntutan golongan homoseksual. Bahkan tidak mustahil angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa. Pada masa ini negara-negara yang meluluskan pernikahan sejenis iaitu Belanda (April, 2000), Belgium (2003), Sepanyol (Jun, 2005), Kanada (Julai, 2005), Afrika Selatan (November, 2006), Norway (2009), Sweden (Mei, 2008), Mexico (Disember, 2009), Portugal (Jun 2010), Ireland (Jun, 2010), Argentina (Julai, 2010), Denmark (2012), Uruguay (2013), New Zealand (2013), Perancis (2013), Brazil (2013) serta United Kingdom (2013) (<http://www.kompasiana.com>).

Fenomena ini semakin merumitkan bagi setengah negara untuk mempertahankan Akta Perundangan bagi meniadakan perkahwinan sejenis. Persoalannya, apakah yang berlaku sekiranya tuntutan ini terus mendesak? Namun begitu masih ada negara-negara yang menolak tuntutan ini kerana perbuatan tersebut bukan sahaja membangkitkan persoalan moral bahkan akan mengundang implikasi yang terlalu besar dalam pelbagai aspek. Ia juga akan mengundang perspektif yang bercanggah dengan ajaran agama serta undang-undang yang sedia ada di sesebuah negara. Merujuk kepada satu permohonan kahwin sejenis oleh pasangan gay berbangsa Cina di Singapura, walaupun bukan sebuah negara Islam, permohonan tersebut ditolak atas alasan bercanggah dengan Akta Kanun Perundangan di bawah seksyen 377A. Akta ini menetapkan secara jelas bahawa perkahwinan sejenis tidak dibenarkan dan tidak sah untuk diamalkan di negara tersebut. Namun begitu, kelonggaran diberikan bagi yang ingin menukar jantina. Bahkan golongan yang menukar jantina ini diberikan identiti yang baru di dalam kad pengenalan mereka seperti menukar nama mengikut jantina baru mereka (Shaffiq Alkhatib, 2013). Justeru itu, pemerintah sesuatu negara perlu segera mendapatkan jalan penyelesaian terhadap isu tersebut sebelum memberikan kelulusan untuk merubah Akta Perundangan yang diadakan.

Dengan penemuan dari teknologi sains moden ini, individu homoseksual yang terdorong dengan hawa nafsu dan yang terlalu menginginkan jantina yang diidamkan akan memilih untuk memuaskan nafsu mereka dengan jalan merubah jantina. Akibat dari kecekan pengetahuan agama dalam kalangan masyarakat Islam sendiri, maka ada yang sanggup melakukan seburuk-buruk amalan yang bercanggah dengan fitrah semulajadi manusia dengan melakukan pertukaran jantina daripada lelaki kepada wanita iaitu dengan membuang zakar dan membentuk faraj serta membesarkan buah dada. Ini bertujuan untuk menutup pandangan serong masyarakat terhadap institusi keluarga mereka dengan melengkapinya adanya konsep ‘*bapa dan ibu*’ walaupun hakikat yang sebenar kedua-duanya adalah lelaki. Namun perbuatan ini semakin meningkatkan kebencian bagi golongan homofobia yang menolak keras perlakuan homoseksual (Weinberg George, 1971). Homofobia merupakan kumpulan yang menentang perkahwinan sesama jenis dan seks songsang yang dilakukan oleh golongan homoseksual kerana mereka berpandangan akan terdapat pelbagai masalah yang akan timbul dari segi agama, budaya, institusi kekeluargaan, tamadun dan budaya sekiranya mereka mengambil keputusan untuk menukar jantina.

Persepsi golongan homoseksual yang sebegini semakin menambahkan kekeliruan di dalam pemikiran setiap golongan homoseksual. Di antara kekeliruan yang dilihat nyata adalah dengan berhujah pada Hak Asasi Manusia dan menafsirkan sains sebagai satu penemuan untuk menyelesaikan sesuatu fenomena yang sedang mereka alami tanpa mereka melihat bagaimana gaya dan cara pemikiran serta pegangan para saintis Islam. Sebagai contoh sebagaimana yang dikuatiri oleh Syed Hossein Nasr (1991), bahawa remaja sekarang telah banyak kehilangan semangat beragama setelah mempelajari sains, matematik dan kimia moden sedangkan sebelumnya mereka gigih melakukan fardu ain.

Oleh itu homoseksual dianggap telah membuat suatu tamadun yang telah mempersendakan fiqh sains sehingga membuka kembali sejarah zaman Nabi Lut a.s. Walaupun Allah SWT telah mencipta manusia sebagai makhluk yang terbaik sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Imran ayat 110 yang bermaksud: “*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik*”. Bagi golongan homoseksual, mereka dilihat gagal melawan nafsu mazmumah mereka. Namun perlu dikaji apakah faktor-faktor yang mendorong amalan homoseksual ini.

■8.0 FAKTOR YANG MENDORONG AMALAN HOMOSEKSUAL

Adalah menjadi suatu keperluan untuk mengkaji dan meneroka apakah punca berlakunya aktiviti seks bebas dan songsang ini. Hal ini kerana, amalan yang dilihat sangat tidak bermoral dan menyalahi aturan alam atau disebut dalam Islam sebagai menyalahi Sunnatullah ini, terus membarahi masyarakat sejagat, meskipun sejarah membuktikan bahawa laknat dan bala daripada Allah SWT yang dahsyat telah memusnahkan peradaban kaum yang mengamalkannya. Lihat saja kemusnahan yang ditimpakan oleh Allah SWT kepada kaum Sodom dan Gomorah atau Pompei. Hasil dari penemuan arkeologi dan kajian sejarah peradaban, kesan laknat dan bala tersebut diakui benar oleh para pengkaji. Bahkan, kutukan dan kemusnahan tersebut masih mampu dirasai dan dilihat oleh para pengunjungnya, dan kekal menjadi peringatan keras Allah SWT kepada umat manusia sehingga kini.

Akal yang dikurniakan oleh Allah SWT seharusnya digunakan oleh seseorang itu mengenali dan memahami apakah tindakan-tindakan yang dilakukan itu berpaksi kepada ajaran Islam atau pun sebaliknya. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1989), bahawasanya al-Quran itu menggalakkan penggunaan akal secara maksimum, bersifat objektif dan menuntut kecemerlangan tetapi pada masa yang sama ia menetapkan usaha-usaha ini dalam batasan dan kerangka etika serta nilai-nilai Islam. Untuk seseorang itu ke tahap *ulul albab* dari sudut psikologi harus mempunyai tiga konsep di dalam kehidupan diri mereka iaitu bersifat *tafakkur*, *tadabbur* dan *tasyakkur* sehingga seseorang itu mampu untuk melakukan pemerhatian pada apa yang berlaku sebagaimana yang dilakukan oleh para pengkaji sebelumnya yang terus mengkaji faktor-faktor yang mendorong kepada perlakuan homoseksual.

Salah satu faktor yang ditemui adalah fenomena pada masa kanak-kanak yang mengalami deraan seksual yang dilakukan oleh orang terdekat. Pengalaman ini kemudiannya menimbulkan ketertarikan seksual sejenis pada tahap perkembangan kanak-kanak tersebut selanjutnya. Dari hasil kajian Van Wyk dan Geist pada tahun 1980, mereka telah mendapati bahawa pengalaman homoseksual pada masa kanak-kanak, terutama jika hal itu merupakan pengalaman seksual pertama, adalah penyebab yang kuat terhadap perilaku homoseksual individu dewasa baik lelaki atau wanita. Ini melibatkan proses pertumbuhan dan perkembangan kognitif yang bercelaru dan mengangap kaum yang berlawanan jenis mengancam dirinya dan mula menyimpan maklumat tersebut hingga ke remaja dan dewasa bahawa kaum berlawanan jenis tidak dapat dipercayai dan lebih cenderung pada kaum sejenisnya dan kajian serupa telah dilakukan oleh *Family Research Institute* yang menemukan bahawa 2/3 anak laki-laki yang berpengalaman seks pertamanya adalah homoseksual akan berperilaku homoseksual pula pada masa dewasanya (Alferd Kinsey, 1940).

Berbeza pula ketika di peringkat dewasa yang merupakan masa pencapaian interaksi intim individu dewasa mulamenjalin interaksi sosial dengan lebih luas. Individu mampu melibatkan diri bersama individu yang boleh saling berbagi hidup dengan seorang yang gemar pada jantina berlawanan (Hall and Lindzey, 1993) pada awalnya namun akhirnya akan beralih menjalin hubungan cinta pada sesama jenis (Schaie dan Willis, 1991) kerana hubungan cinta tersebut terkait dengan tugas perkembangan dewasa di peringkat awal yang bebas untuk menikah dengan pasangan yang dipilih sama ada dari berlawanan jenis atau sebaliknya (Havinghurst dalam Hurlock, 2002).

Fenomena ini sebaliknya telah menjadi satu hal yang tidak lazim apabila pernikahan itu adalah di antara lelaki sesama jenis atau lelaki dengan lelaki yang telah menukar jantina atau perempuan sejenis yang juga telah menukar jantina. Apakah pandangan hukum syarak dalam hal ini sekiranya salah seorang daripada individu tersebut beragama Islam? Sudah tentu perbuatan ini melanggar hukum syarak dan hukumnya adalah haram kerana apabila seseorang itu ingin mencintai seseorang sebagai pasangan hidupnya, hendaklah ia dalam bentuk pasangan lelaki dan wanita iaitu lelaki yang mencintai wanita dan wanita yang mencintai lelaki. Seterusnya pasangan ini menghalalkan percintaan mereka melalui ikatan pernikahan yang menepati rukun-rukun nikah dalam syari'at Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 21 yang bermaksud: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (pasangan suami isteri) perasaan cinta (kasih sayang) dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

Bahkan bagi yang telah menukar jantina atau dikenali dengan *transgender*, jika dilihat dari sudut psikologi sesuatu kejadian yang melibatkan keinginan manusia berpunca dari faktor dirinya sendiri yang tidak akan mampu dibantu tanpa adanya penyedaran pada pihak yang terbabit sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Ra'du ayat 11 yang bermaksud *“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa yang dapat menolok dan melindungi mereka selain daripadaNya.”*

Sewajarnya, sikap tunduk dan patuh kepada perintah dan arahan Allah menjadi keutamaan setiap orang yang beriman. Akal yang waras dan dorongan nafsu yang sihat berserta kecintaan dan kepatuhan kepada Allah, sepatutnya mampu mengawal diri dan menjadi perisai nafsu dari ancaman gejala songsang seperti amalan seks bebas dan hubungan sejenis ini. Ini berlandaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 45; *“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah (Allah) yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan.”* (al-Najm 53:45). Namun apa yang dapat dilihat kepentingan hukum syarak ini tidak dimanfaatkan oleh golongan homoseksual. Mereka lebih mementingkan kepuasan mencapai apa yang diinginkan dan tidak mempersoalkan seks songsang atau sebaliknya. Apa yang lebih merunsingkan mereka adalah untuk berada di dalam kehidupan sebagaimana yang mereka idamkan kerana satu ungkapan yang sering diungkapkan oleh golongan homoseksual adalah *“saya terperangkap dalam tubuh lelaki atau perempuan”* (*trapped inside the body of the opposite sex*) (M. Michele Burnette: 2006). Fenomena ini menyebabkan golongan homoseksual sanggup melakukan hubungan seks sesama jenis sebagaimana yang ditegaskan oleh pakar perubatan Dr. Harry (1960), Clarke dan Kitzinger (2002) kecenderungan untuk menukar imej badan dan identiti, cara hidup dan tingkah laku seperti jantina yang berlawanan dengan dirinya.

Bagi golongan homoseksual ini keinginan untuk berkahwin tidak hanya berakhir disitu malahan berkeinginan pula untuk mendapat anak. Ada yang berjaya memperolehi zuriat hasil dari kejayaan sains dan teknologi tetapi mempunyai sebab lain yang mendorong pada keberhasilan dalam proses penghamilan mereka. Contohnya seperti apa yang terjadi pada Thomas Beatie pada tahun 2007. Beliau telah berjaya menukar jantina dari seorang wanita kepada seorang lelaki tetapi masih mempunyai rahim. Walaupun berkahwin dengan wanita yang telah menukar jantina beliau didapati hamil (Mail Online, 3 September, 2012). Bagaimana pula jika timbul keinginan untuk menyusukan anak sendiri? Bagi mereka, ia tidak menimbulkan masalah kerana sains dan teknologi telah berhasil menemukan kaedah cetusan laktasi (*induced lactation*) bagi menggantikan peranan air susu ibu. Tujuan kaedah ini adalah untuk penyusuan bagi anak angkat

atau disebut sebagai *adoptive nursing*. Bahkan ia juga bagi penghasilan susubagi wanita yang tidak pernah hamil atau tidak pernah menyusukan bayi (Cheales Siebenaler, 1999).

Namun tanpa mereka sedari terutamanya golongan homoseksual yang berkeinginan untuk menyusukan anak angkat atau anak mereka sendiri bahawa terdapat bahan-bahan kimia yang terkandung di dalam proses *induced lactation* iaitu *galactagogues* yang merupakan bahan kimia yang mengandungi *domperidone* dan *metoclopramide* yang bertindak balas dengan sistem *dopamine* bagi meningkatkan pengeluaran *prolactin*. *Prolactin* adalah hormon yang dihasilkan di pituitari yang mempunyai fungsi bertindak pada sistem reproduktif yang mempengaruhi tingkah laku dan mengawal sistem imuni yang telah digunakan secara meluas bagi menggalak dan mengekalkan penyusuan termasuklah bagi situasi bayi pramatang, pengangkatan anak dan ibu tumpang (Michael P. Gabay, 2002).

Masalah pencelaruhan kognitif menurut beberapa kajian berkait rapat dengan masalah-masalah tingkah laku yang disebabkan oleh pengambilan *galactagogues* yang ada pada kandungan susu hasil daripada proses cetusan laktasi (*induced lactation*). Pakar-pakar yang menemukan kandungan ini adalah Antonio Alberto Zuppa, Paola Sindico, Claudia Orchi, Chiara Carducci, Valentina Cardello, Pierco Catenazzi, Contantino Romagnoli (2010). Penelitian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya, Cathay Suhailla Abdullah, Roslee Ahmad dan Sharifuddin Ismail yang dinukil dari buku "*Kecelaruhan Tingkah Laku*" (2006), mendapati bahawa antara beberapa masalah kecelaruhan kognitif yang dikenal pasti menurut David M. Lawrence (2009) ada berkaitan dengan "*Huntington Disease*" (*HD*). Apabila ini berlaku seseorang itu akan mengalami "desakan" (*impulsivity*) iaitu sesetengah pesakit ada yang mengalami pelbagai kesukaran terutamanya dalam mengawal desakan, dorongan dan bisikan hati mereka sendiri. Hal ini akan menjurus kepada masalah tingkah laku yang lain seperti kemarahan yang amat sangat, panas baran, gejala seks rambang dan sering bertindak melulu. Maka itu dapat disimpulkan bahawa salah satu faktor homoseksual adalah disebabkan kandungan air susu yang berhormon.

Faktor lain yang mendorong kepada homoseksual dapat dilihat dari hasil penelitian sebelumnya yang menganggap bahawa ada kombinasi antara faktor biologis dan persekitaran sebagai salah satu penyebab orientasi seksual homoseksual (Money dalam Feldmen, 1990). Namun untuk membuat pemilihan kepada kecenderungan seseorang terhadap kaum sejenis, Rakhmat (1999) menyatakan bahawa faktor-faktor personal sangat menentukan pada apa yang akan diputuskan, antara lain kognitif, motif dan sikap. Ini kerana homoseksual bukan hanya didalam konteks seksual antara seseorang dengan jenis kelamin yang sama, bahkan individu memiliki kecenderungan psikologis, emosional dan sosial (Kendall dan Hammer, 1998). Hujah ini telah disokong oleh Feldmen (1990) yang mengatakan bahawa pendekatan biologi yang berkaitan dengan faktor genetik atau hormon mempengaruhi perkembangan homoseksual. Faktor ini juga telah disokong oleh Kinnunen *et. al.* (2003) ketika beliau mendapati metabolisme otak yang berbeza pada lelaki homoseksual berkemungkinan disebabkan oleh ubat-ubatan yang diambil ketika ibu sedang mengandung atau faktor persekitaran yang mempengaruhi ibu tersebut. Kenyataan ini diikuti dengan pengakuan seorang ibu yang diwawancara bagi tujuan penulisan artikel ini. Seorang ibu yang sudah sepuluh tahun berkahwin tetapi tidak dikurniakan zuriat. Namun ibu ini masih meneruskan mengambil pil-pil berhormon dan penyuntikan hormon selama lebih kurang 10 tahun dan berhenti mengambilnya sejeurus mendapati dirinya mengandung. Walaupun dengan kudrat Allah SWT dan bantuan dari sains dan teknologi berjaya menghasilkan ibu tersebut mengandung tetapi yang merunsingkan fikiran ibu tadi ialah perkembangan dan pertumbuhan anaknya dari segi psikologi yang lebih cenderung kepada jantina yang berbeza. Beliau mendapati perkembangan ini telah berlaku dari usia anaknya tujuh tahun lagi yang lebih gemar bermain dengan alat-alat masakan dan melakonkannya dan sehingga sekarang perubahan yang dapat dilihat oleh ibu serta penulis sendiri adalah dari sudut fizikal anaknya yang telah menunjukkan ciri-ciri "*Mak Nyah*" baik dari segi pakaiannya dan solekan pada mukanyayang jelas berciri kewanitaan.

Persoalannya adakah ubatan-ubatan yang mengandungi bahan-bahan berhormon yang diambil oleh ibu tadi menjadi faktor kepada penampilan lelaki lembut? Atau besar kemungkinan terjadinya permasalahan ini adalah disebabkan didikan atau asuhan ibu yang tidak menegur serta mengambil mudah dengan penyediaan alatan serta mainan yang berciri kewanitaan atau disebabkan faktor-faktor persekitaran? Jika dilihat dari penemuan para saintis seperti Claudia Orchi, *et. al.* (2010), bahan-bahan yang diambil oleh ibu berkenaan sebelum mengandung boleh menjadi salah satu sebab berlakunya kecelaruhan identiti sekaligus penyebab kepada 'kelahiran' lelaki lembut hingga mendorong golongan ini melibatkan diri dengan kegiatan homoseksual.

Akan tetapi, kajian awal pada tahun lima puluhan mengenai homoseksual dalam kalangan pasangan kembar menunjukkan terdapat bukti bahawa homoseksual diwarisi. Perkembangan sahsiah seseorang individu dipengaruhi oleh kedua-dua faktor baka dan fisiologi serta faktor suasana persekitaran dan pembelajaran. Pengaruh fisiologi dari segi kromosom dan hormon adalah paling ketara semasa seseorang itu masih di dalam rahim lagi serta semasa ia sedang mengalami proses baligh. Terdapat bukti-bukti sahih yang menunjukkan peranan hormon lelaki (*testosterone*) maka keadaan ini mungkin mempengaruhi cara pemikiran seseorang kanak-kanak itu ke arah sifat keperempunaan walaupun tingkahlaku sebagai seorang lelaki tidak terjejas (Mohd Tajudin, 2003).

Manakala jika ditinjau dari teori psikoanalisis berdasarkan Freud (dalam Jas Laile, 2002) dan pengikut Neo-Freudian, mereka mengatakan bahawa faktor homoseksual adalah disebabkan perkembangan jantina yang diproses secara tidak sedar yang terhasil daripada interaksi perbezaan biologi dan proses identifikasi yang dialami oleh lelaki dan perempuan. Dengan kata lain, Freud menjelaskan bahawa faktor biologi dan juga faktor persekitaran (bagaimana ibu bapa melayani anak-anak) sama-sama berperanan dalam menentukan perkembangan peranan jantina seseorang. Freud percaya seseorang anak lelaki itu akan lemah kelakiannya pada masa depan sekiranya bapanya tidak menunjukkan model kelakian yang kuat seperti jarang berada di rumah dan kurang dominan (Jas Laile, 2002). Teori ini disokong oleh Breber (dalam Feldmen, 1990 dan Carlson, 1994).

Teori psikologikal pula menghubungkan sesuatu tingkah laku itu dengan cara seseorang dididik dan diasuh semenjak bayi sehingga remaja dan dewasa. Segala perilaku yang berlaku dalam sesebuah keluarga akan memberikan kesan kepada kanak-kanak yang berkaitan. Bagaimanapun, interaksi ayah dan ibu ke atas anak mereka adalah penting. Ini disebabkan cara mereka mendidik dan membentuk peribadi anak-anak tersebut boleh mempengaruhi identiti, peranan dan orientasi gender mereka (Mohd Tajudin, 2003). Hujah ini disokong oleh teori perkembangan kognitif yang menjelaskan bahawa perkembangan jantina bergantung kepada perkembangan kognitif iaitu kanak-kanak mesti memahami sepenuhnya terhadap jantina diri sebelum dipengaruhi oleh pengalaman sosial mereka ketika kanak-kanak. Hal ini kerana mereka akan melibatkan diri secara aktif dalam proses sosialisasi (*actively socialize*) bukannya bertindak secara pasif (Kohlberg, dalam Shaffer, 2002). Manakala bagi sudut teori pembelajaran sosial, Mohd Tajudin (2003) mengatakan pengaruh bahawa pembelajaran sosial dan persekitaran memainkan peranan penting dan ketara dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak oleh agen-agen utama pemsarakatan seperti ibu bapa, masyarakat setempat, pihak sekolah serta media massa. Kecelaruhan gender berlaku apabila pihak yang signifikan ini gagal membantu kanak-kanak atau individu itu mengekalkan jantina yang sebenar. Teori pembelajaran sosial ini juga turut menjelaskan bahawa rakan sebaya turut memainkan peranan dalam menentukan perkembangan peranan jantina seseorang. Rakan sebaya

akan memberi denda kepada mereka yang tidak menunjukkan tingkah laku yang sesuai dengan jantina (Yohan dan Aminudin, 2002). Justeru, akan berlaku proses pertumbuhan kognitif yang tidak sihat iaitu perbuatan yang ditimbulkan sama ada baik atau sebaliknya adalah hasil dari paksaan kawan-kawan tanpa seseorang itu menyedari apakah impak atau natijah disebalik perbuatan mereka itu sebagaimana yang dibahaskan oleh Kohlberg (dalam Shaffer 2002). Oleh yang demikian, apabila menyingkap teori Skema Jantina oleh Martin dan Halverson (dalam Shaffer, 2002) dapat menjelaskan bagaimana perkembangan asas identiti jantina berupaya memotivasikan kanak-kanak untuk mempelajari tentang jantina (*sexes*) iaitu dengan menyatukan maklumat-maklumat berkaitan ke dalam “skema jantina”. Di sini, kanak-kanak membina satu set kepercayaan dan jangkaan terhadap lelaki dan perempuan yang mempengaruhi jenis-jenis maklumat yang diterima, diamati dan kemudian diingati.

Melihat kepada faktor-faktor yang mendorong kepada homoseksual dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor di atas dapat dielakkan dari berlaku sekiranya adanya kesedaran terhadap kesan negatif kepada individu homoseksual itu sendiri, masyarakat sekeliling, keluarga, agama dan kesihatan.

■9.0 DIMENSI ETIKA HOMOSEKSUAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Golongan homoseksual pada umumnya meminggirkan peranan agama dalam membina hubungan mereka sesama manusia terutama yang sejenis. Islam secara praktikalnya sentiasa mengutamakan kemaslahatan manusia, dengan mengajak setiap pengikutnya untuk mematuhi perintah dan larangan Allah SWT.

Allah SWT amat murka kepada hambaNya yang melanggar ketentuan dan peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan nas al-Quran dan hadis. Hal ini dijelaskan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan demi satu jiwa yang menciptakannya. Lalu menunjukkan kepada jiwa jalan kejahatan dan kebaikan. Sesungguhnya berbahagialah orang yang membersihkan diri. Dan celakalah orang yang menipunya (Surah al-Syam: 7-10).*

Islam merupakan agama yang bersesuaian dengan fitrah kehidupan manusia. Allah SWT mengetahui hakikat jiwa manusia dan kemampuannya dalam menghadapi permasalahan hidup. Namun golongan homoseksual yang cenderung mengikut hawa nafsu, mudah terjerumus melakukan seks di luar ketentuan hukum Islam Hal ini merupakan penyimpangan biologis yang melanggar fitrah manusia. Justeru itu, Islam melalui hukum yang berdasarkan al-Quran dan Sunnah telah mengatur penyaluran keperluan biologis melalui perkahwinan. Melalui perkahwinan inilah fitrah manusia boleh terpelihara dengan baik kerana perkahwinan mengatur hubungan seks antara lelaki dan wanita dengan ikatan yang sah dalam bentuk monogami dan poligami. Dengan adanya insitituti kekeluargaan yang disyariatkan, Islam melarang segala bentuk hubungan seks di luar perkahwinan. Hal ini kerana ia akan menimbulkan kekeliruan biologis yang dapat merosak garis keturunan dan menimbulkan berbagai bentuk kejahatan yang membawa permusuhan dan pembunuhan. Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf: 189 yang bermaksud: *“Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia dengan kandungan yang ringan, serta teruslah ia dengan keadaan itu (ke suatu waktu). Kemudian ketika ia merasa berat (dan menaruh bimbang) berdoaalah suami isteri itu kepada Tuhan mereka (dengan berkata):”Sesungguhnya jika Engkau (wahai Tuhan kami) mengurniakan kami nikmat yang baik, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur”.*

Ada pun hubungan seks yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT, maka ia bukan sahaja dilarang tetapi langkah-langkah awal ke arahnya juga dilarang. Rasulullah SAW menegaskan: *“Tidak boleh seorang lelaki melihat aurat lelaki yang lain dan tidak boleh seorang wanita melihat aurat wanita yang lain. Tidak boleh seorang lelaki menyentuhkan badannya kepada badan lelaki yang lain di dalam satu selimut dan tidak boleh seorang wanita menyentuhkan badannya kepada badan wanita yang lain dalam satu selimut.”* (Sahih Muslim, no: 338).

Bahkan perkahwinan dalam Islam bukan hanya sekadar untuk memenuhi keperluan biologis bahkan merupakan pembinaan peribadi untuk mempertahankan kesucian fitrah manusia. Ini kerana di dalam perkahwinan ada peraturan antara hubungan suami isteri, hak dan kewajiban suami isteri dan kewajiban orang tua terhadap anak dan sebaliknya. Oleh kerana itu, syariat Islam memandang perkahwinan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kehidupan individu, keluarga dan masyarakat. Malahan Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa: *“Antara kesimpulan hukum yang diperolehi dalam bab ini ialah haram hukumnya bagi seorang lelaki melihat aurat lelaki yang lain dan bagi seorang wanita melihat aurat wanita yang lain. Berkenaan hukum ini tidak ada perselisihan di dalamnya (di kalangan para ulama)”* (Al-Minhaj Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj, 2000).

Namun bagi golongan Muslim yang bersimpati pada golongan homoseksual berhujah bahawa hubungan seks sesama jenis halal kerana yang dicela dan dilarang ialah apabila ia dilakukan dalam bentuk perkosaan (tanpa kerelaan salah satu pihak) atau dalam bentuk seks bebas (luar ikatan perkahwinan). Hal ini kerana, golongan ini telah berhujah dengan ayat al-Quran di dalam surah al-Nahl ayat 72 yang mereka terjemahkan dengan maksud: *“bahawa Allah menjadikan daripada kalangan manusia berpasang-pasang tanpa membataskan pada pasangan berlainan jantina”* (Muhammad Haniff Hassan, 2013). Berdasarkan kepada maksud al-Quran yang diberikan oleh mereka, golongan ini lalu menyimpulkan hubungan seks antara pasangan gay mahupun homoseksual adalah halal jika dilakukan dalam hubungan perkahwinan, apabila kedua belah pihak bersetuju mengikat hubungan mereka secara serius (bukan rambang) dalam bentuk perkahwinan formal, sama seperti hubungan seks heteroseksual yang hanya halal jika dilakukan dalam ikatan perkahwinan (Muhammad Haniff, 2013).

Ternyata golongan ini menterjemahkan ayat di atas dengan terjemahan yang salah sedangkan terjemahan yang sebenar adalah: *“Allah menciptakan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu (juga) dan diciptakan dari isteri-isterimu itu anak cucu (yang berkembang) dan Allah memberi yang baik-baik kepada kamu. Apakah mereka beriman kepada yang batil (berhala) dan nikmat-nikmat Allah mereka ingkari?”* (Surah al-Nahl: 72).

Walaupun tiada pernyataan secara jelas dalam al-Quran bahawa seks sesama jenis haram sebagaimana Allah SWT haramkan bangkai dalam Surah al-Ma'idah, ayat 5, namun terdapat logik yang jelas akan pengharaman di dalam al-Quran sebagai *fahisyah* sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *Katakanlah: “Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya* (Surah al-A'raf: 33).

Segala yang disifatkan sebagai *fahisyah* (perbuatan yang keji) sentiasa dikaitkan dengan sesuatu yang terlarang atas dasar haram, bukan makruh seperti yang terdapat dalam ayat 2: 268, 6: 151, 7: 28, 16: 90, 24: 19, 42: 37 dan di dalam surah al-Baqarah ayat 169 yang bermaksud: “*Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)*”. Begitu juga al-Quran menyifatkan hubungan seks sesama jenis lelaki sebagai *fahisyah* dalam ayat 7: 80, 27: 54 dan seperti yang terkandung dalam surah al-Ankabut ayat 28 yang bermaksud: “*Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala ia berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorangpun dari penduduk alam ini sebelum kamu”*”.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hubungan sesama jenis adalah terlarang dan hukumnya adalah haram. Sememangnya al-Quran tidak menggunakan perkataan jimak dalam menyifatkan perbuatan kaum Nabi Lut yang tercela tetapi tidak menafikan kesimpulan di atas kerana perkataan “*ta’tuuna*” dalam ayat-ayat yang menyifatkan perbuatan kaum Nabi Lut itu seperti dalam ayat 7: 81, walaupun pada asalnya bermakna “*mendatangi*” ia bukan bermaksud mendatangi sebagai satu interaksi sosial kerana dalam ayat tersebut al-Quran mengaitkannya dengan perbuatan bersyahwat dan *fahisyah*, sesuatu yang terlarang sedangkan “*mendatangi*” dalam erti interaksi sosial sesama jenis bukan sesuatu yang dilarang sama sekali sebagaimana dicontohkan dalam kehidupan sosial Rasulullah saw bersama para sahabat.

Sesungguhnya pertukaran jantina yang dilakukan oleh golongan homoseksual secara jelas telah melanggar hukum syariat Islam kerana telah merubah ciptaan asal Allah SWT sebagaimana yang disepakati oleh para fuqaha bahawa haram untuk melakukan pembedahan pertukaran jantina semata-mata kerana keinginan dan mengikut hawa nafsu. Ini kerana perbuatan ini adalah sia-sia kerana mengubah struktur badan manusia tanpa ada sebarang hajat. Perbuatan ini secara tidak langsung memusnahkan sistem seksual manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 119 yang bermaksud: “*Dan demi sesungguhnya Aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya akau akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah, dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain daripada Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang nyata.*”

Bahkan ulama Fiqh Kontemporari juga telah bersepakat menyatakan perbuatan ini diharamkan yang mana ia telah diputuskan di dalam Persidangan Fiqh Islam ke-11 melalui resolusi mereka yang ke-6 yang diadakan di Mekah pada 19 Februari hingga 26 Februari 1989 sebagaimana yang tercatat di dalam majalah *Al-Majma’ Al-Fiqh al-Islami*, Makkah, Kali ke 11, 13-20 Rejab 1409H. Kesepakatan ini telah disusuli dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke 4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 juga telah memutuskan bahawa pertukaran jantina dari lelaki kepada wanita atau sebaliknya adalah haram dari segi syarak. Ini kerana seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya menukar jantintanya begitu juga dengan golongan wanita.

Menurut kitab-kitab tafsir seperti *Tafsir al-Thabari*, *Al-Shawi*, *Al-Khazin* (I/405), *Al-Baidhawi* (II/117), *Zubat al-Tafsir* dan *al-Qurthubi* (III/1963) disebutkan beberapa perbuatan manusia yang diharamkan kerana termasuk “*mengubah ciptaan Tuhan*” sebagaimana dimaksud ayat yang diharamkan ialah homoseks, lesbian, membuat tato, mencukur alis mata dan berpakaian dan bertingkah laku dengan lawan jantintanya. Dengan ini menukar jantina yang telah dianugerahkan Allah juga termasuk dalam mengubah ciptaan Allah yang diharamkan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim (Al Minhaj, 2000) bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: “*Allah mengutuk para wanita tukang tato, yang minta ditato, yang menghilangkan bulu muka dan para wanita yang memotong giginya yang semuanya itu dikerjakan dengan tujuan untuk kecantikan dengan mengubah ciptaan Allah*”.

Ada pun hikmah di sebalik larangan penyerupaan jantina yang berbeza, maka ia adalah satu tindakan yang melawan penciptaan Allah. Ini kerana Allah SWT telah mencipta manusia sebagai lelaki dan wanita yang masing-masing diberi ciri fizikal dan tanggungjawab yang berbeza. Allah SWT. berfirman di dalam surah al-Qiyamah ayat 37-39 yang maksudnya: “*Bukankah dia (manusia) berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)? Kemudian air mani itu menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya, dan menyempurnakan kejadiannya (sebagai manusia)? Lalu Tuhan menjadikan daripadanya dua jenis lelaki dan perempuan.*”

Selain penentangan terhadap ciptaan Allah, penyerupaan juga merupakan langkah awal ke arah pelbagai perbuatan maksiat yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh Jamil al-Luwaihiq (2007) dengan tegas menjelaskan bahawa: “*Di antara tujuan syari’at di sebalik larangan tersebut adalah untuk menunjukkan perbezaan antara lelaki dan wanita, sebagaimana hikmah dalam hal itu adalah untuk memutuskan jalan yang menuju kepada sesuatu yang diakibatkan oleh hal tersebut berupa pelbagai kerosakan besar yang bersangkutan dengan agama dan dunia.* Jika salah seorang dari keduanya melakukan sedikit dari hal-hal di atas (penyerupaan kepada jantina yang berbeza), ia akan mendorong kepada penyerupaan yang lebih besar sehingga hal itu menjadi sebab terdorong melakukan pelbagai dosa besar.”

■10.0 KESAN PERBUATAN HOMOSEKSUAL

Mengambil iktibar dari apa yang berlaku kepada kaum nabi Lut a.s boleh dijadikan contoh laknat Allah SWT bagi pengamal homoseksual. Namun dari aspek institusi perkahwinan, bolehkah pasangan sejenis ini menjadi acuan yang baik dalam membentuk generasi akan datang sedangkan konsep perkahwinan merupakan suatu ibadat yang mengandungi hikmah yang besar sebagai saluran sah dan suci untuk mengembangkan zuriat keturunan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat 3 yang bermaksud: “*Maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan (lain).*” Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa perkahwinan yang direndhai Allah SWT adalah dari jenis yang berbeza demi untuk mengelakkan penularan penyakit moral homoseksual, yang merupakan faktor sesebuah institusi keluarga sebagai unit asas dalam pembinaan masyarakat mengalami keruntuhan.

Pengamalan seks bebas sesama jantina ini tidak memungkinkan terbentuknya sebuah keluarga yang harmoni dan berperanan. Sebaliknya, budaya kotor ini akan memporak-perandakan masyarakat dan membentuk persekitaran yang tidak sihat untuk perkembangan generasi akan datang. Anak-anak akan keclaruan apabila melihat keluarganya mempunyai dua ibu atau bapa sesama jenis sedangkan jirannya mempunyai seorang ibu dan seorang bapa yang berlainan jenis. Bahkan menurut Trayce Hansen (2007), seseorang itu jika dibesarkan di dalam persekitaran keluarga homoseksual ia akan menurut contoh pembentukan akhlak yang ada di dalam keluarga itu sendiri. Ini disokong oleh kajian yang sama dilakukan oleh Paul J.P (1986) melalui temubual dengan anak-anak remaja homoseksual yang berusia antara 18-28 tahun di dapati sebanyak 15% dari 34 responden mengaku mereka juga homoseksual, gay atau bioseksual. Selain dari

itu terdapat masalah kecelaruan dalam hubungan keluarga homoseksual itu sendiri. Ini kerana perkahwinan sesama jenis ini baik sesama lelaki atau sesama wanita tidak boleh melahirkan anak kerana ketiadaan sperma. Maka, bagi tujuan mendapatkan anak, mereka memilih untuk mengadakan persembaian beradasyang jelas bertentangan dengan syariah Islam kerana dikhuatiri tidak dapat menentukan kesahihan nasab keturunan pada kemudian hari.

Bahkan pemikiran golongan homoseksual ini dengan secara tidak langungboleh meruntuhkan asas tamadun dan budaya negara kerana homoseksual mengancam sistem kekeluargaan melalui fitrah kejadian manusia, perkahwinan sah dan tujuan manusia dicipta. Homoseksual adalah kesan cara berfikir pasca modernisme yang sangat berbahaya kerana aliran pemikiran itu datang daripada masyarakat dan budaya manusia yang berfikir di luar daripada ajaran agama dan wahyu Tuhan. Hubungan lelaki dan perempuan adalah fitrah dan tidak boleh diubah. Namun, pemikiran cara pasca modernisme menyebut gender sebagai tidak tentu, kerana yang menentukan gender ialah masyarakat dan budaya bukan asal kejadian manusia. Oleh itu mereka menuntut "hak" untuk gaya seks ganjil, kerana mereka tidak berfikir dengan panduan fitrah dan agama. Tujuan manusia dicipta adalah untuk mengembangkan agama di atas muka bumi. Namun sekiranya cara hidup homoseksual ini berkembang (tanpa perkahwinan sah, zuriat dan persaudaraan) tidak mungkin agama akan berkembang di bumi. Bahkan ajaran agama akan menerima tentangan daripada manusia kerana ia bercanggah dengan nafsu liar mereka. Sekiranya fenomena ini tidak ditangani dengan segera maka dikhuatiri tidak ada generasi zuriat yang datang dari perkahwinan sah, maka tersekatlah perkembangan agama kehidupan manusia yang bahagia dan penuh tamadun (Muhammad Uthman El- Muhammadi, 2012).

Selain menjejaskan institusi kekeluargaan, golongan lelaki yang menukar jantina kepada perempuan melalui pembedahan juga merupakan salah satu kesan negatif akibat perlakuan seks songsang ini. Perbuatan ini jelas dilaknat oleh Allah SWT bahkan Persidangan Raja-raja dalam mesyuaratnya ke 126 pada 24 Februari 1983, telah mempersetujui fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa berkenaan pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak bagi mencegah kumpulan homoseksual terus berkembang kerana dikhuatiri penularan HIV dan peningkatan bilangan penghidap AIDS semakin cepat berkembang. Penyakit AIDS yang pertama kali dijumpai dalam kalangan golongan homoseksual yang mengamalkan seks songsang oleh para doktor dengan menggambarkan wabak paru-paru berair yang biasanya sukar terjadi sedang menular dikalangan lima orang homoseksual di Los Angeles (Artikel: "AIDS - Disease that changed our world", 1981).

Hasil kajian dari MOH (*Ministry of Health, 1985-2012*), membuktikan jumlah pelacur *transeksual (homoseksual)* yang berumur antara 20 hingga 55 tahun merupakan kedua tertinggi selepas bangsa Cina. Hal ini membuktikan untuk menyara kehidupan dan menampung kos kehidupan yang tinggi sekiranya mereka gagal untuk mendapatkan pekerjaan walaupun memiliki segulung ijazah akan berakhir di kanchah pelacuran. Sebaliknya mereka yang berpelajaran rendah akan menghadapi cabaran yang lebih besar demi untuk memenuhi segala kehendak dan keinginan lelaki *Mak Nyah*. Selain dari barangan asas seperti alat solek dan pakaian, mereka juga perlu sentiasa mendapatkan perubahan dan rawatan hormon pada bahagian tertentu untuk senantiasa kelihatan menyerlah sifat-sifat kewanitaannya. Hal ini akan menimbulkan gejala sosial sebagaimana yang dinukilkan dari Lukman (2002) bahawa untuk menampung kesemua keperluan, mereka ini akan memasuki lembah pelacuran bagi memenuhi tuntutan fantasi kerana pelacuran adalah tempat yang paling mudah untuk mencari wang tanpa mempersoalkan hukum halal dan haram.

11.0 KESIMPULAN

Homoseksual merupakan suatu fenomena yang masih sukar untuk ditangani walaupun telah banyak kajian yang dilakukan oleh para penyelidik sebelumnya. Sejarah menjelaskan bagaimana golongan ini mula tertarik kepada kaum sejenis, cukup memberi peringatan bahawa kuasa nafsu sekiranya tidak dikawal dengan akal yang waras dan keimanan yang teguh, boleh melahirkan kecelaruan identiti dalam setiap diri individu. Akhirnya, golongan ini akan memilih untuk memasuki golongan homoseksual atas pelbagai alasan kepentingan dan keperluan sendiri, hak kebebasan individu, dan ada juga yang menyalahkan Allah SWT atas ciptaan dirinya sedemikian.

Keinginan golongan homoseksual berubah keadaan fizikal dari seorang lelaki kepada perempuan atau sebaliknya merupakan salah satu faktor mempersendakan ciptaan Allah dan peraturanNya, sehingga sanggup melakukan pembedahan perubahan jantina. Pencapaian sains dan teknologi khasnya dalam bidang kejuruteraan biologi, teknologi pembedahan plastik, *artificial surgery* telah disalah gunakan. Bahkan, pencapaian dan penemuan sains dan teknologi ini telah dianggap pendorong untuk merealisasikan tuntutan nafsu dan impian yang songsang itu. Meskipun, mereka memahami bahawa natijah daripada perlakuan ini boleh membawa kepada lebih banyak kemudaran dari kemanfaatan sama ada pada diri sendiri ataupun masyarakat. Kos penukaran jantina sebelum dan sesudah juga adalah tinggi. Oleh itu ramai golongan homoseksual ini terjebak dalam kanchah pelacuran sehingga meninggalkan kesan yang negatif pada kesihatan juga menimbulkan gejala sosial dalam masyarakat dan negara.

Faktor- faktor yang mendorong kepada homoseksual telah banyak dikaji oleh pengkaji terdahulu dan di antara penemuan mereka adalah faktor genetik, biologi, persekitaran, ibubapa, rakan sebaya dan sosial. Di samping itu faktor pengambilan bahan-bahan berhormon juga didapati merupakan salah satu sebab yang mendorong kepada homoseksual sama ada diambil melalui suntikan atau pengambilan pil-pil berhormon dan makanan-makanan yang mengandungi bahan-bahan berhormon tinggi.

Gejala petukaran jantina terutama pada masyarakat Islam berleluasa kerana kurangnya perhatian yang diberikan kepada hukum syariat dan kurang prihatin tentang kesan-kesan yang ditinggalkan oleh golongan homoseksual akibat salah laku seksual mereka yang memberikan imej yang tidak sihat pada masyarakat sekeliling bahkan melemahkan perkembangan tamadun Islam. Persepsi golongan homoseksual yang berlandaskan kepada hak asasi manusia menimbulkan percanggahan pada akta hukum perundangan sesebuah negara dan secara tidak langsung menimbulkan suatu budaya seksual songsang untuk ditangani oleh individu dan masyarakat.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1989). *Islam And The Philosophy Of Science*. Kuala Lumpur: IIUM.
- Al-Minhaj Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj. (2000). Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi, Beirut. 3, 145.
- Azizi Yahaya, Cathay Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad dan Sharifuddin Ismail. (2006). *Kecelaruan Tingkah Laku*. PTS Publishing.
- Alfred, C. Kinsey. (1940). Individual Variation, II, Kinsey Collection; Kinsey, Pomeroy, and Martin. *Sexual Behavior in the Human Male*, 295, 327.
- Barley, D. A. (1996). *Abnormal Psychology*. New York: Mc Graw-Hill, Companies, Inc.
- Brown, E. I. (2005). We Wear The Mask. African American Competemporary Gya Male Identities. *Journal of African American Studies*, 9(2), 29-38.
- Caroll, L. J. (2007). *Sexuality Now: Embracing Diversity*. Ed.2. Belmont Thomsosn Learning Inc-USA.
- Clarke, V. and Kitzinger, C. (2004). Lesbian And Gay Parents On Talk Shows: Resistance Or Collusion In Heterosexism? *Qualitative Research in Psychology*, 1(3), 195-217. ISSN 1478-0887.
- Cheales-Siebenaler, N. J. (1999). Induced Lactation in an Adoptive Mother. *J Hum Lact*, 15(1), 41-43. doi:10.1177/089033449901500111.
- Claudia Orchi, Chiara Carducci, Valentina Cardello, Pierco Catenazzi, Contantino Romagnoli. (2010). *Department of Pediatrics, Dicision of Neonatology, Catholic University of the Second Heart, Rome, Italy*.
- D'Augelli, A. (1992). Lesbian And Gay Male Undergraduates' Experiences Of Harassmentand Fear On Campus. *Journal of Interpersonal Violence*, 7, 383-395.
- David M. Lawrence. (2009). *Huntington's Disease (Genes & Disease)*. 1 edition. Chelsea House Publications.
- D'Augelli, A., & Rose, M. (1990). Homophobia In A University Community: Attitudesand Experiences Of Heterosexual Freshman. *Journal of College Student Development*, 31, 484-491.
- Fugate, S. R. C. C. Apodaca, and M. L.Hibbert. (2001). Gender Reassignment Surgery and the Gynecological Patient. *Primary Care Update for Obsterics and Gycecology*. 8(1), 22-4.
- Feldman, J. M. (1999). Four Questions About Human Social Behavior. In J. Adamopoulos and Y. Kashima (Eds.). *Social Psychology and Cultural Context: Essays in Honor of Harry C. Triandis*. New York: Sage.
- Hage, J. Joris, Karim Refaat B., Laub, Donald, R. Sr. (2007). *On the Origin of Pedicted Skin Inversion Vagioplasty: Life and Work of Dr Georges Burou of Casabalance*. 59(6): 723-729. <http://www.sfgate.com/health/article/AIDS-At-20-Disease-that-changed-our-world-2914460.php>.
- Harish, D., and B. R. Sharma. (2003). Medical Advances in Transsexualism and the Legal Implications. *American Journal of Forensic Medicine and Pathology*, 24(1), 100-05.
- Harian Surat Khabar Seputar Indonesia-Edisi Julai, 2008.
- Hall, C. S. dan Gardner, L. 1993. *Teori-Teori Psikodinamik (Klinis)*. Yogyakarta: Kanisius.
- Hurlock, E. B. (2002). *Psikologi Perkembangan*. 5th edition. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Harry Benjamin. (1960). A Study in Transsexualism. *Psychiatric Quarterly*, 34: 220.
- Istact: Homoseksual Penghancur Tamadun, Wartawan Sinar Harapan, 7 Mei 2012.
- J. P. Cahplin. (1981). *Dictionary of Psychology*. A Laurel book, Mass Market Paperback.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). *Psikologi Kanak-Kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamilal-Luwaihiq. (2007). *Tasyabuh yang Dilarang dalam Fiqih Islam*. Darul Falah, Jakarta
- Kinnunen, L. Moltz, H., Metz, J. Cooper M. (2003). *Differential Brain Activation in Exclusively Homosexual and Heterosexual Men*. Society for Neuroscience Conference.
- Kendall, P. C. (1998). *Abnormal Psychology Human Problems Understanding*. Second Edition. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Lukman, Z. Muhamad. (2002). *Lelaki Transeksual dan Pelacuran Nyah di Malaysia Sejauhmanakah Pertiannya*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka.
- Magnus Hirschfeld. (Retrieved, 2016). *The Quest for Sexual Freedom: A History of the Firtst Internation Sexual Freedom Movement*.
- M. Husain Sardar. (1991). *Sains Dan Islam: Wujudkah Suatu Konflik? Dalam Ziauddin Sardar (pngr.)*. Sentuhan Midas. Terj. Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mail Online. (2012). *Teknologi & Gender: Lelaki Mengandung?*
- Mohd Tajudin. (2003). *Transeksualisme & Hubungan Dengan Kecelaruan Gender dari Perspektif Psikologi*. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Transeksualiti. Universiti Malaysia. Skudai.
- Muhammad Uthman El- Muhammadi. (2012). *Menegakkan Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah Mengelak Daripada Syi'ah*. Terbitan Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu.
- Muhammad Haniff. (2013). *Syarat Hukum Zina*. Berita Harian, 13 Disember 2013.
- Money, John. (1998). *Gay, Straight, And In-Between: The Sexology Of Erotic Orientation*. Chigago: Oxford University Press.
- M. Michele Burnette. (2006). *Sex and Sexuality: Sexual Deviation and Sexual Offenses*.
- Michael P. Gabay. (2002). Galactogogues: Medications That Induce Lactation. *J Hum Lact*, 18: 274.
- Nietzel, dkk. (1998). *Abnormal Psychology*. Boston: Allyn dan Bacon, Inc.
- Parker, M. Roff, Klenmack, Koenig, Baker & Allman. (2003). *Religousty And Mental Health In Southern*. Community-Dwelling Older Adulst, Aging Ment Helath.
- Paul, J. P. (1986). *Growing Up With A Gay, Lesbian, Or Bisexual Parent: An Esploratory Study Of Experiences And Perceptions*. Unpublished Doctoral Dissertation, University Of California At Berkeley.
- Richard Freiherr von Krafft-Ebing. (1886). *Psychopathia Sexualities, The Case Histories*. Solar Books – Solar Asylum.
- Rakhmat, J. (1999). *Psikologi Komunikasi*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Seyyed Hossein Nasr. (1991). *Islam and Contemporary Society*. London: Logman Group.
- Schaie, K. W., & Willis, S. L. (1991). Adult Personality And Psychomotor Performance: Cross-Sectional And Longitudinal Analyses. *Journal of Gerontology: Psychological Sciences*, 46, P275-284.
- Shaffer, D. R. (2002). *Social and Personality Development*. United State of America: Wadsworth.
- Shaffiq Alkhatib. (2013). Former Transgender Model Says She's Grateful for Recognition. *The New Paper*. 24 May. Singapore.
- Sharifah Munirah binti Timiati. (2008). *Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya Kepada Pembentukan Mahasiswa IPTA*. Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sayyid Sabiq. (1968). *Fiqh al-Sunnah*. Jilid VI. Lebanon: Dar al-Fikr.
- Siti Naqiah Abdullah. (2012). LGBT Bunuh Keturunan, Musnah Institusi Keluarga. *Berita Harian*. 3hb Julai 2012.
- Sigmund Freud. (1922). *Beyond The Pleasure Principle, International Psycho-Analytical*. London, Vienna: International Psycho-Analytical.
- Sabin Russell. (2001). *AIDS - Disease That Changed Our World*. National Geographic News. The San Francisco Chronicle.
- Sumber R&D. (Jun 2016). *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Trayce Hansen. (2007). *Same Sex Marriage: Not in the Best Interest of Children*. California Association of Marriage and Family Therapist.
- Weinberg, G. (1971). *Words for the New Culture Gay*.
- Yohan Kurniawan & Aminuddin Md. Yusoff. (2002). *Pengalaman Sosialisasi dan Analisis Ekspresi Diri Pelajar Transeksual: Satu Kajian Kes*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka.